



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

4 September 2015 / 20 Zulkaedah 1436

Al-Quran Sebagai Petunjuk: Pengajaran Disebalik

Surah Al-Kahfi

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ الْأَنَامِ وَ مِصْبَاحُ الظَّلَامِ، اَللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عُلَانِيَتَكُمْ

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Semenjak beberapa minggu yang lalu, khutbah telah menegaskan kepentingan seorang muslim itu memperoleh kefahaman yang benar lagi tepat tentang agamanya. Mudah-mudahan dengan demikian ketakwaan kita kepada Allah semakin kukuh dan berkembang mekar. Semoga dengannya kita dapat terus mentaati segala perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya.

Saudaraku,

Langkah pertama yang boleh kita ambil adalah setentunya bermula dengan usaha untuk menghayati ajaran Al-Quran.

Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Kahfi ayat 1 dan 2:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ۝١
قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا لِمَنْ لَدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ
يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۝٢

Yang bermaksud: *“Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya, Kitab suci Al-Quran dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang terpesong. (Bahkan Dia menjadikannya) tetap benar untuk memberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) akan azab yang beratnya di sisiNya, dan memberi berita gembira kepada mereka yang beriman dan beramal soleh, bahawa mereka akan memperoleh balasan yang baik”*.

Saudara, Al-Quran merupakan rahmat Allah bagi semesta alam, melaluinya Allah s.w.t. memberi petunjuk kepada jalan yang lurus, dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan amaran yang jelas. Dan setiap kali hari Jumaat datang bertandang kita teringat akan galakan Nabi s.a.w. agar kita melazimi sunnah membaca satu surah di dalam Al-Quran. Baginda s.a.w. bersabda: *“Barangsiapa yang membaca surat Al-Kahfi pada hari Jumaat, dia akan disinari*

cahaya di antara dua Jumaat". [Hadith riwayat Al-Hakim dan Al-Baihaqi]

Oleh itu saya ingin mengajak kita untuk bersama-sama berusaha untuk membaca surah Al-Kahfi iaitu surah ke-18 daripada susunannya pada setiap Jumaat. Pada masa yang sama juga pastikanlah kita menghayati pengertian dan pelbagai kisah yang terdapat di dalamnya. Mudah-mudahan kita tidak termasuk orang-orang yang digambarkan oleh Nabi s.a.w. sebagai orang yang membaca Al-Quran tetapi tidak melebihi tenggorokkannya atau tidak sampai menyentuh sanubarinya.

Saudaraku,

Saidatina Aisyah r.a. tatkala ditanya tentang akhlak Nabi s.a.w., beliau menjawab: "*Sesungguhnya akhlak Nabi itu adalah Al-Quran*". [Hadith riwayat Imam Muslim] Maksud dari hadith tersebut adalah Nabi s.a.w. akan memerhatikan segala ajaran dan isi kandung Al-Quran, lalu menuruti segala perintahnya, dan menjauhi segala larangannya. Maka seharusnya hubungan kita dengan Al-Quran sedemikian saudaraku.

Saudaraku,

Bilakah kali terakhir kita menatap Al-Quran? Adakah kita mempunyai Al-Quran atau aplikasinya yang boleh kita jengok sebentar setiap hari? Terkadang kita melihat orang kini melaungkan slogan kita mesti hidupkan Islam, kita mesti menangkan Islam, sedangkan Al-Quran tidak dijadikan teman

mereka. Ia tidak menjadi simpanan hati mereka. Lebih sedih lagi jika mereka hanya menampal ayat suci Al-Quran di status Facebook mahupun Twitter dan Instagram semata-mata untuk menonjolkan kewarakan mereka tanpa mendalami tafsir dan berusaha mengamalkannya. Sekiranya itu berlaku saudaraku, maka seharusnya kita berusaha untuk merubah sikap kita dengan kitab Al-Quran. Dikhuatiri ia merenggangkan hubungan kita dengan Al-Quran. Firman Allah swt :

وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: *“Dan Rasul itu berkata, ya Tuhanku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Qur’an ini diabaikan”*. [Surah Al-Furqan ayat 30]

Imam Ibnu Katsir menjelaskan bahawa kalimat *“Mahjura”*: yang bermaksud *“diabaikan”* memiliki beberapa makna, diantaranya: Seseorang yang tidak mahu berusaha untuk memahami isi kandung Al-Quran.

Sifat seperti ini saudara adalah merupakan ciri musuh ketat kita iaitu syaitan alaihi laknatullah. Dalam surah Al-Kahfi pada ayat 50, Allah mengingatkan kita akan kisah Iblis. Beliau mengetahui kebenaran tetapi dia sengaja berpaling daripadanya. Perintah Allah diabaikan kerana ego dan kesombongan. Allah s.w.t. berfirman:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ
 فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ
 لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا

Yang bermaksud: “Dan ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam”; lalu mereka sujud melainkan iblis; dia asalnya dari golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaku? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim, pengganti yang mereka pilih itu”.

Saudaraku,

Terlalu sering kita mencari-cari musuh yang nampak dan kita beriya-iyanya untuk menewaskannya. Namun kita alpa akan musuh syaitan yang jelas ada bahkan di dalam hadith yang mampu mengalir dan mempengaruhi tubuh dan jiwa kita seperti mana darah mengalir di dalam tubuh. Anak-anak kita perlu kita ingatkan agar selalu berwaspada akan hasutan, bisikan dan pujukannya yang amat menggiurkan. Kita tidak boleh selalu bersama anak-anak kita. Kita tidak mampu mengawasi mereka setiap waktu dan tika. Maka bangunkanlah dalam diri kita dan mereka sikap untuk keras menentang hasutan syaitan. Ajarkan kepada mereka bahawa setiap kali tergerak jiwa dan hati untuk mula melakukan maksiat bersegeralah ingat kepada Allah dan

pindahlah daripada keadaan yang mudah menjerumuskan mereka kepada maksiat itu. Biasakan mereka mengamalkan zikir mudah agar hati mereka dibentengi Allah s.w.t.

Rasulullah s.a.w. berpesan: *“Barangsiapa mengucapkan: La ilaha illallah wahdahu la syarikalah, la hul mulku wa la hul hamdu wa huwa ‘ala kulli syai-in qadir (Tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagiNya. BagiNya adalah semua kerajaan dan puji-pujian dan Allah adalah Maha Kuasa atas segala sesuatu) dalam sehari 100 kali, maka ia memperoleh pahala seperti memerdekakan sepuluh orang hamba sahaya, juga dicatat baginya pahala sebanyak seratus kebaikan dan dihapuskan dari dirinya sebanyak seratus keburukan, juga ia memperoleh penjagaan dari godaan syaitan pada harinya itu sampai waktu petang.”* [Muttafaq alaihi]

Semoga Allah s.w.t. menghidupkan sanubari kita dengan penghayatan Al-Quran dan dipandu segala tingkah laku kita oleh cahaya Al-Quran. Semoga dengan mendampingi dan mengamalkan ajaran Al-Quran, Allah memelihara kita dan keluarga daripada segala anasir keburukan di dunia dan akhirat. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.